

BAHAGIAN A

Jawab 'betul' (B) atau 'salah' (S) bagi kenyataan berikut di halaman 6.

1. 'Perancangan pelancongan' (*tourism planning*) dan 'pembangunan pelancongan' (*tourism development*) merupakan dua entiti yang berbeza, namun, satu daripadanya tidak akan dapat dilakukan dengan sempurna tanpa kewujudan kedua-duanya.
2. Dari sudut pembangunan pelancongan, 'zaman pertengahan' (*middle ages*) telah mewujudkan perjalanan untuk tujuan pendidikan dan menimba pengalaman serta perdagangan.
3. Perancangan merupakan 'fungsi pengurusan' (*management function*) yang menggabungkan 'proses mental' (*mental process*) dengan 'tindakan fizikal' (*physical action*); namun, ianya sama sekali tidak berorientasikan matlamat (*goal oriented*).
4. Perancangan untuk pembangunan masa depan perlu memberikan pertimbangan dan perhatian terhadap *trend* semasa yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa; justeru memerlukan kepada penyesuaian yang setara yang akan mendorong kepada lebih banyak perjalanan dan aktiviti pelancongan.
5. Komponen-komponen penawaran (*supply components*) dalam pelancongan secara umumnya berkaitan dengan sumber-sumber yang dikenali sebagai tiga 'A' yang terdiri daripada 'Attraction' (tarikan), 'Accessibility' (ketersampaian) dan 'Ability' (keupayaan).
6. Di peringkat antarabangsa, perancangan pelancongan memberikan tumpuan utama terhadap dasar pelancongan, plan struktur fizikal dan program pendidikan dan latihan.
7. Perancangan wilayah merupakan satu perancangan khusus untuk tapak kemudahan atau kompleks tertentu seperti hotel, pusat perniagaan dan kemudahan pelawat.

8. TOR (*terms of reference*) yang fleksibel akan memungkinkan dan menggalakkan penggunaan imaginasi dan kreativiti pasukan perancangan bagi menghasilkan pembangunan yang lebih menarik.
9. Di negara-negara sedang membangun, perancangan pelancongan dijadikan satu amalan yang formal (*formal practice*) dengan diwujudkan dasar-dasar yang berkaitan pelancongan seperti Pelan Pembangunan Lima Tahun (*Five-Year Development*) dan *Tourism Master Plan*.
10. Di peringkat negara atau wilayah, penilaian potensi dan prakebolehlaksanaan pelancongan hanya dijalankan setelah 'bidang tugas' atau TOR (*terms of reference*) dihasilkan.
11. Unsur institusi yang terdiri daripada elemen-elemen seperti 'perancangan tenaga manusia', 'strategi pemasaran' dan 'perundangan dan peraturan pelancongan' diperlukan untuk memajukan dan menguruskan pembangunan pelancongan.
12. Bagi projek di peringkat negara dan wilayah, pasukan teras terdiri daripada 'perancang pembangunan pelancongan', 'pakar pemasaran pelancongan', 'ahli ekonomi pelancongan' dan 'perancang pengangkutan dan infrastruktur pelancongan'.
13. Pelancongan dimajukan di negara-negara kurang maju terutamanya untuk memperolehi tukaran matawang asing (*foreign exchange*) bagi membantu mengurangkan defisit *balance of payment (BOP)*.
14. Pembangunan pemangkin (*catalytic development*) diusahakan oleh pemaju atau promoter tunggal yang menguasai keseluruhan kepakaran dan aspek pengoperasian pembangunan.
15. Pembangunan 'coattail' berlaku apabila pemaju utama menggalakkan pembangunan yang saling melengkapi oleh syarikat atau individu pemaju yang lain.
16. Proses pembangunan pemangkin (*catalytic development*) digambarkan melalui tiga langkah iaitu 'pembangunan pusat' (*centralized development*), 'pemaju tambahan' (*secondary developers*) dan 'saling kebergantungan' (*interdependency*).

17. Melalui pembangunan bersepadu (*integrated development*) dapat disaksikan satu fenomena di mana banyak usahawan yang menjalankan bisnis yang hampir sama disebabkan tiada pemaju utama yang mendominasi kawasan pembangunan.
18. Bagi setiap perancangan pelancongan, pendekatan pembangunan lestari adalah amat penting disebabkan kebanyakan pembangunan pelancongan bergantung kepada tarikan-tarikan dan aktiviti-aktiviti berkaitan persekitaran semulajadi, warisan sejarah dan pola kebudayaan di kawasan terlibat.
19. Perancangan yang berkesan dan pengurusan pelancongan yang teratur amat diperlukan dalam mengoptimumkan faedah pelancongan dan mencegah, atau setidak-tidaknya mengurangkan impak negatif yang timbul.
20. Untuk mencapai pembangunan pelancongan yang terkawal memerlukan kepada modal yang besar tanpa perlu memberi perhatian yang begitu tinggi terhadap aspek-aspek seperti struktur organisasi khusus, strategi pemasaran, program promosi dan pembentukan undang-undang serta peraturan.

(20 markah)

BAHAGIAN B

1. Secara umumnya, terdapat **SEBELAS (11)** alasan yang menunjukkan kepentingan merancang setiap pembangunan pelancongan yang akan dimajukan.

Nyatakan dan terangkan secara ringkas **LIMA (5)** daripada alasan-alasan tersebut.
(10 markah)

2. Senaraikan ringkasan proses laporan projek mengikut urutan.
(5 markah)

3. Terangkan secara ringkas maksud terminologi-terminologi berikut:

- a) Perancangan
- b) Jawatankuasa kemudi (*steering committee*)
- c) Keupayaan daya tampung (*carrying capacity*)
- d) *Exogenous influences*
- e) *Endogenous influences*

(10 markah)

4. Pendekatan utama yang sedang diaplikasikan dalam perancangan bagi kebanyakan jenis pembangunan ialah pendekatan yang berupaya mencapai 'pembangunan lestari' (*sustainable development*). Dalam konteks pelancongan, pendekatan pembangunan lestari adalah amat penting khususnya bagi setiap perancangan pembangunan pelancongan.

- a) Huraikan maksud pembangunan lestari.
(2 markah)

- b) Nyatakan dan terangkan 'teknik asas' dalam mencapai pembangunan lestari.
(3 markah)

- c) Bincangkan secara ringkas:
 - i) Pelancongan berdasarkan komuniti (*community based tourism*)
(5 markah)
 - ii) Pelancongan kualiti (*quality tourism*)
(5 markah)

BAHAGIAN C

1. Pengetahuan dan pemahaman yang mendalam mengenai komponen-komponen pembangunan pelancongan dan 'saling berhubung' antara komponen-komponen tersebut merupakan asas di dalam memahami perancangan pembangunan pelancongan secara lebih berkesan.

Berpandukan gambarajah 'komponen pembangunan pelancongan' yang telah dibincangkan di dalam kuliah, huraikan dengan terperinci komponen-komponen tersebut.

(20 markah)

2. Pembangunan pelancongan dapat dikelaskan mengikut **TIGA (3)** bentuk asas (*three basic forms*) berdasarkan pembahagian tanggung jawab (*division of responsibility*) dalam proses pembangunan.

Dengan merujuk kepada contoh dan kes yang berkaitan, berikan pengertian dan bincangkan secara terperinci 'sifat-sifat' (*characteristics*) bagi 'pembangunan bersepadu' (*integrated development*).

(20 markah)

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER KEDUA SESI 2001/2002**

HP 3023: PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN

NO. MATRIK: _____

BAHAGIAN A

Bulatkan jawapan anda.

- | | | | | | |
|-----|---|---|-----|---|---|
| 1. | B | S | 11. | B | S |
| 2. | B | S | 12. | B | S |
| 3. | B | S | 13. | B | S |
| 4. | B | S | 14. | B | S |
| 5. | B | S | 15. | B | S |
| 6. | B | S | 16. | B | S |
| 7. | B | S | 17. | B | S |
| 8. | B | S | 18. | B | S |
| 9. | B | S | 19. | B | S |
| 10. | B | S | 20. | B | S |